

Kawasan Gunung Kinabalu berisiko tanah runtuh

UM 14.05.2012 27

KOTA KINABALU 13 Mei - Kawasan sekitar Gunung Kinabalu dikenal pasti sebagai berisiko mengalami tanah runtuh ekoran daripada batuan dasarnya terdiri daripada batu pasir dan batu lumpur.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Felix Tongkul berkata, mengikut kajian pemetaan geologi yang telah dilakukan oleh pihaknya menjelaskan kawasan terbabit se-



FELIX TONGKUL

memangnya kurang stabil.

"Ia bukan sahaja disebabkan oleh batuan dasarnya tetapi keadaan lereng bukit yang agak curam dan jumlah hujan tahunan yang tinggi.

"Keadaan itu menyebabkan batuan di sekitar kawasan berkenaan yang dikenali sebagai Formasi Crocker dan Formasi Trusmadi terpecah dan tericah sehingga kekuatannya agak lemah," katanya yang juga merupa-

kan Penyelidik Kanan di Unit Penyelidikan Bencana Alam UMS.

Baru-baru ini, sepasang suami isteri warga emas nyaris maut setelah kenderaan dan rumah mereka di Kampung Kiau Taburi, Kota Belud dekat sini, ditimbus tanah runtuh.

Tambah Felix, pada 25 Mac lalu sekumpulan penyelidik dari Unit Kajian Bencana Alam, UMS yang diketuai oleh Dr. Ismail Abdul Rahim, secara kebetulan membuat penyelidikan di sekitar kawasan kampung berkenaan dan menda-

pati kawasan tanah runtuh terbabit itu sebenarnya sudah menunjukkan tanda-tanda pergerakan permukaan.

"Hasil tinjauan itu secara jelas memperlihatkan tanda-tanda seperti kerosakan pada jalan di mana jalan tidak rata tetapi bertanggung-tangga, selain itu sistem perparitan dan tiang-tiang elektriknya juga terjejas.

"Berdasarkan temu ramah dengan penduduk kampung juga mendakwa pergerakan tanah terbabit sudah lama berlaku termasuk

kejadian tanah runtuh bersaiz kecil di sepanjang jalan," katanya.

Felix turut mendedahkan sekumpulan penyelidik UMS telah melawat tapak tanah runtuh pada 10 Mei lepas dan mendapati terdapat batuan dasar kawasan terdiri daripada batu pasir Formasi Crocker yang agak terpecah.

"Sehubungan itu kita akan membuat kajian lebih terperinci mengenai insiden tanah runtuh ini bagi mengenal pasti mekanisme kejadiannya dan seterusnya jalan penyelesaian yang sesuai," katanya.